



**PANDUAN PELAKSANAAN BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA, PERINTAH CUKAI
BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014 & PERINTAH CUKAI BARANG
DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) (PINDAAN) 2015**

PEROLEHAN PERALATAN PERUBATAN

1. PENDAHULUAN

1.1 Berdasarkan Butiran 6, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) (Pelepasan) 2014 dan Perintah CBP (Pelepasan) (Pindaan) 2015, kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar atau dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (AKPJKS) 1998 diberi pelepasan daripada membayar CBP ke atas peralatan perubatan (*medical equipment*), tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

1.2 Kemudahan jagaan kesihatan swasta ertiinya mana-mana premis, selain kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan, yang digunakan atau diniatkan untuk digunakan bagi menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan, seperti kemudahan jagaan kesihatan swasta, hospis, pusat jagaan ambulatori, rumah jagaan kejururawatan, rumah bersalin, hospital psikiatri, rumah jagaan psikiatri, pusat kesihatan mental masyarakat, pusat hemodialisis, klinik perubatan dan klinik pergigian dan apa-apa premis jagaan kesihatan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kesihatan melalui pemberitahuan dalam Warta di bawah AKPJKS 1998.

2. TUJUAN

2.1 Tujuan panduan ini disediakan untuk membantu:

2.1.1 Pembekal yang menjual barang kepada kemudahan jagaan kesihatan swasta;

- 2.1.2 Kemudahan jagaan kesihatan swasta mendapatkan pelepasan CBP atas perolehan peralatan perubatan sama ada diperolehi dalam negeri atau diimport.
- 2.1.3 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memproses permohonan perolehan peralatan perubatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta.

3. PROSEDUR PELAKSANAAN

3.1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- 3.1.1 KKM hendaklah memproses permohonan perolehan peralatan perubatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta. KKM dikehendaki juga memastikan peralatan perubatan yang diperolehi oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta digunakan secara langsung bagi tujuan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan.
- 3.1.2 KKM hendaklah memastikan permohonan perolehan peralatan perubatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta adalah seperti senarai peralatan perubatan (*medical equipment*) yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. (Sila rujuk **Lampiran A**)
- 3.1.3 Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia ataupun pegawai yang diberi kuasa hendaklah mengesahkan dengan menandatangani dan meletakkan cop rasmi kementerian / jabatan ke atas sijil pengesahan. (Sila rujuk **Lampiran D**).
- 3.1.4 Satu salinan sijil dan dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah disimpan oleh pihak KKM bagi tujuan rekod.
- 3.1.5 Permohonan yang layak dipertimbangkan oleh Kementerian Kesihatan adalah daripada kemudahan jagaan kesihatan swasta (seperti dinyatakan dalam perenggan 1.2). Sebarang permohonan dari syarikat pembekal atau pihak ketiga bagi pihak kemudahan jagaan kesihatan swasta berkenaan tidak akan diberi pertimbangan.

3.2 Kemudahan jagaan kesihatan swasta

3.2.1 Kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar atau dilesenkan di bawah AKPJKS 1998 boleh membuat perolehan dalam negara atau pengimportan ke atas peralatan perubatan di bawah Butiran 6, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 dan Perintah CBP (Pelepasan) (Pindaan) 2015 tertakluk kepada semua syarat berikut:

- i) Peralatan perubatan tersebut digunakan secara langsung bagi tujuan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam;
- ii) Peralatan perubatan tersebut telah didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (berkuatkuasa 1 Julai 2015); dan
- iii) Peralatan perubatan yang dimohon untuk pelepasan CBP adalah seperti senarai peralatan perubatan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. (Sila rujuk **Lampiran A**).

3.2.2 Kemudahan jagaan kesihatan swasta hendaklah mengemukakan surat permohonan yang lengkap ke pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (sila rujuk **Lampiran G**) satu bulan sebelum perolehan dibuat bersama dokumen lain seperti berikut:

- i) Sijil seperti di Jadual Ketiga, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 yang telah ditandatangani oleh pihak kemudahan jagaan kesihatan swasta. (Sila rujuk **Lampiran B**);
- ii) Senarai peralatan kesihatan swasta.
(Sila rujuk **Lampiran C**);
- iii) Salinan pesanan pembelian (*purchase order*) atau invoice pembelian bagi peralatan perubatan yang diluluskan;
- iv) salinan sijil pendaftaran/ lesen dibawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998; dan

- v) senarai semakan peralatan perubatan kesihatan swasta yang telah diisi oleh pihak kemudahan jagaan kesihatan swasta. (Sila rujuk **Lampiran E**).
- 3.2.3 Bagi peralatan perubatan yang diperolehi dalam negara, kemudahan jagaan kesihatan swasta hendaklah menyerahkan dokumen berikut kepada pembekal;
- i) Sijil seperti di Jadual Ketiga, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 yang telah ditandatangani oleh pihak kemudahan jagaan kesihatan swasta. (Sila rujuk **Lampiran B**);
 - ii) Sijil yang telah disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. (Sila rujuk di **Lampiran D**); dan
 - iii) Senarai peralatan perubatan kesihatan swasta. (Sila rujuk **Lampiran C**).
- 3.2.4 Bagi peralatan perubatan yang diimport, dokumen seperti di para 3.2.3(i) – (iii) hendaklah disertakan bersama Borang Kastam No. 1 /Borang Kastam No. 9 semasa pengimportan. Untuk mendapatkan pelepasan CBP, Borang Kastam No.1 / Borang Kastam No. 9 hendaklah didaftarkan atas nama kemudahan jagaan kesihatan swasta. Sebarang pengimportan oleh pihak ketiga bagi pihak kemudahan jagaan kesihatan swasta adalah tidak layak diberi pelepasan CBP.
- 3.2.5 Kemudahan jagaan kesihatan swasta yang telah diberi pelepasan CBP:
- i) Tidak boleh melupuskan, menjual, memindahkan dalam negara atau tidak mengakaunkan, dengan syarat cukai telah dibayar ke atas barang yang diberikan pelepasan;
 - ii) Hendaklah menyimpan rekod atau akaun peralatan dan bahan yang diimport atau dibeli bagi tujuan pemeriksaan / pengauditan pegawai CBP.

3.3 Pihak Pembekal

- 3.3.1 Bagi mendapatkan pelepasan daripada mengenakan dan memungut CBP ke atas pembekalan barang bercukai yang dibuat kepada kemudahan jagaan kesihatan swasta, pihak pembekal hendaklah mengeluarkan invois cukai dengan menyatakan klausu seperti berikut:

"Dilepaskan daripada mengenakan CBP bagi pembekalan kepada orang yang diberi pelepasan di bawah Butiran 6, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) (Pindaan) 2015".

(sila rujuk **LAMPIRAN F**)

- 3.3.2 Pihak pembekal hendaklah memastikan dokumen yang dikemukakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta adalah asal dan lengkap (seperti dalam perenggan 3.2.3).
- 3.3.3 Pihak pembekal hendaklah mengikrar pembekalan yang dibuat di bawah Butiran 6, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) (Pindaan) 2015 di butiran 13, Bahagian C, Penyata GST-03 : Jumlah nilai pembekalan diberi pelepasan CBP.
- 3.3.4 Pihak pembekal hendaklah menyimpan rekod berkaitan pembekalan yang dilepaskan dari pengenaan CBP di mana melibatkan tuntutan cukai input selama tujuh (7) tahun bagi tujuan pemeriksaan / pengauditan pegawai CBP.

4. KESIMPULAN

- 4.1 Diharap panduan ini dapat membantu kemudahan jagaan kesihatan swasta mendapatkan pelepasan cukai atas perolehan barang dan juga membantu pihak pembekal tidak mengenakan dan memungut cukai ke atas pembekalan barang kepada kemudahan jagaan kesihatan swasta serta KKM memproses permohonan daripada kemudahan jagaan kesihatan swasta di bawah Butiran 6, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 dan Perintah CBP (Pelepasan) (Pindaan) 2015.

4.2 Sebarang pertanyaan atau maklum balas boleh diemelkan maklum balas atau komen kepada gstsektor1@customs.gov.my.

5. PEMBATALAN

5.1 Panduan perlaksanaan Butiran 6, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) (Pelepasan) 2014 dan Perintah CBP (Pelepasan) (Pindaan) 2015 berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan. Dengan pengeluaran panduan ini, panduan bertarikh 21 April 2015 adalah dibatalkan.

Disediakan oleh;

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Tarikh : 8 Jun 2015

**SENARAI PERALATAN PERUBATAN KESIHATAN SWASTA YANG LAYAK DIULUSKAN OLEH KEMENTERIAN
KEWANGAN BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PSLEPASAN) 2014**



No.	Functional Area	Name of Equipment	Function of Equipment
1	Operating Theatre	Operating Theatre Light	Lampu Meja Perbedahan
2		Operating Theatre Pendant	Flat Fasiliti tergantung untuk meja perbedahan
3		Operating Theatre Table	Meja Perbedahan
4		Electrosurgical Unit	Alat pemotongan dan penampolan ibu badan pesakit secara elektrik
5		Heart Lung Machine	Mesin penggantijantung dan paru-paru semasa perbedahan jantung
6		IBI Aortic/Balloon Pump	Mesin membantu fungsi jantung melalui menstabilkan tekanan darah
7		GA(Demelar Anesthesia) Machine Std & MPV compatible	Mesin "Gas"
8		Ventilator(Transport/Stationary)	Mesin menyokong persalinan
9		Patient Monitor	Mesin perjagaan kesihatan pesakit
10		Operating Theatre Microscope	Mikroskop di dalam perbedahan
11		Operating Theatre Camera System	Sistem kamera di dalam perbedahan
12		Patient Heating/Cooling System	Sistem pemisakan dan preejeksiun pesakit
13		Robotic Surgery System	Sistem perbedahan secara peroteksi (Da Vinci Robotic Surgery)
14		Lithotripter (ESWL)	Mesin pecah batu kencing (batu dalam badan pesakit)
15		Lithotripsy (PCNL)	Mesin pecah batu kencing (batu dalam badan pesakit)
16		Harmonic Scalpel	Alat pemotongan dan pemotongan ibu badan pesakit secara getirang
17		Image Guided Navigation System (orthopaedic)	Sistem Bantuan Pekerjaan untuk perbedahan tulang
18		Shaver System (orthopaedic)	Sistem pencukuran tulang
19		Arthroscopy System (orthopaedic)	Sistem pemotongan dan pemotongan tulang
20		Power Drill	Mesin potong tulang berkuasa tinggi
21		Liposuction Machine	Mesin Penyedot Lemak badan pesakit
22		Ingotion System (orthopaedic)	Sistem penyucker peribedaan tulang pesakit
23		Traumujet System (orthopaedic)	Sistem penilaian sakitan darah pesakit
24		Cryo System(orthopaedic)	Sistem perbedahan secara penyekar
25	Central sterile services department	Bacteri	Mesin persterilisasi dan perbedahan
26		Walker	Mesin perbaukan dan perbedahan
27		Ultrasonic Cleaner	Mesin persterilisasi dan peribedaan secara galorong tonyl tinggi
28		Dryer	Mesin pengeringan sisi perbedahan
29	Intensive Care	Patient Monitoring System/module/ Central Information System/Telemetry	Sistem pengawalan kesihatan pesakit (Individu/berjusat/kawalan jauh)
30		Blood Gas Analyser	Mesin analisis kesihatan darah pesakit
31		Infant Incubator/transport/incubatory	Mesin perjagaan peribedaan pesakit bayi (mudah dilibas)

**SERAHAN PERALATAN PERUBATAN KESIHATAN SWASTA YANG LAYAK DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN
KEWANGAN BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014**



30	Diagnostic Imaging	CT/PET Scan	Mesin pengimajian secara x-ray secara komputer, sedara 'positron-emisyon'
33		MRI	Mesin pengimajian secara resonan magnetik
34		Gamma Camera	Mesin pengimajian menggunakan radiasi 'gamma'
35		C Arm	Mesin pengimajian berbentuk lengkap C secara x-ray
36		Mammography (Digital/Analog)	Mesin pengimajian ke atas payudara.
37		Stalometry & Mobile General Xray (Digital/Analog)	Mesin pengimajian secara x-ray (digital/analog) mudah alih dan tetap.
38		Ultrassound (General/Echo/OMG)	Mesin pengimajian menggunakan gelombang bunyi (jen/jantung/gigi/mengandung)
39		Fluoroscopy (Digital/Analog)	Mesin pengimajian secara x-ray (ini) tulap dan video (digital/analog)
40		Gore Densitometer	Mesin pengimajian untuk mengetahui kira posisi tulang
41		Image Digitization System	Sistem pengimajian digital
42		Picture Archiving System (Foto/Vidio)	Sistem penyimpanan foto dan Vidio x-ray secara digital
43		Dental X-ray	Mesin pengimajian gigi
44		Diagnose Monitoring (ECG/EKG/EENT/ENT)	Mesin pemerhatian untuk elek, otak, sinus, saraf
45		Injector for contrast media	Mesin pengistik menggunakan dawai ihas "contrast media"
46		Polysonograph	Mesin pemerhatian kesan penyalit senasa badan
47		Orthopantomograph and Cephalometric machines	Mesin x-ray
48		Cone Beam Computer Tomography (CBCT) machine	Mesin x-ray
49		Urodynamic System	Sistem pemerhatian ginjal,膀胱, saluran kencing
50	Radiotherapy	Linear Accelerator	Mesin rawatan kanser secara farasi untuk penyalit kanser
51		Brachytherapy	Mesin rawatan kanser secara dalaman untuk penyalit kanser
52		Gamma/CyberKnife	Mesin rawatan kanser secara farasi untuk zon/titik kanser
53		CT Simulator	Mesin simulan secara pengimajian x-ray solusiun rawatan kanser silikonik
54		Treatment Planning System (TPS)	Sistem perancangan perubatan sebelum rawatan kanser
55	Cardiac Care	Emergency Mobile Angiograph System	Mesin pengimajian saluran darah dan jantung (modul alif/falap)
56		Stress Test System (holder, treadmill, monitor)	Sistem pemerhatian fungsi jantung penyalit senama segerang sejauh
57		Hemodynamic Monitoring System (cardiac monitoring system)	Sistem pemerhatian fungsi jantung dan saluran darah sepanjang proses pengimajian.
58		ACT (activated clotting time) Monitor	Mesin pemerhatian pembekuan darah.
59		Cardiac Ablation System	Sistem peringkasan noda jantung yang letak masuk.
60		Ambulatory Blood Pressure Monitoring (ABPM) System	Sistem pemerhatian tekanan darah masuk wkt.

**SENARAI PERALATAN PERUBATAN KESIHATAN SWASTA YANG LAYAK DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN
KEWANGAN BUTIRAN 5, JADUAL PERTAMA PERINTAH CUKU BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014**



61		Chemistry Analyzer	Mesin yang menggunakan teknik darah
62		Centrifuge	Mesin pengasingan komposit benda/pasuk
63		BioSafety Cabinet	Kabinet keselamatan amanah bio.
64		Microscope (Lab)	Mikroskop makrot
65		Haematology Analyzer	Mesin menganalisis darah
66		Immunohassay Analyzer	Mesin menganalisis tiupan darah
67		Microbiology Analyzer	Mesin menganalisis sel dan tisu
68		FrozenRefrigerator (Blood/Medication)	Mesin penyimpanan / pembekuan specimen darah dan obatan
69		Flow Cytometer	Mesin pengesan kuantiti dan perjurusan kandungan benda/pasuk
70	Lab/Blood Bank	Incubator (Lab/IVF)	Mesin perjagaan dan pertambangan sel dan tisu (makmal/IVF)
71		Cryotank	Mesin pemotongan tisu
72		Tissue Processor	Mesin pengolahan tisu
73		Tissue Embedder	Mesin pemberian tisu
74		Blood Cell Separator & Washer	Mesin pengasing dan pencucian sel darah
75		Transfusion Chair	Kursi khas untuk pemberian darah
76		Micromanipulator (IVF)	Mesin manipulasi sel
77		Cardiac Reader (cardiac enzyme analyzer)	Mesin penganalisis enzim jantung
78		Sealing Clipper	Mesin penglipat tisu darah
79		Birds Sterile	Mesin pembenihan simbol tisu
80	Ear-Nose-Throat (ENT)	Audiometry System	Sistem pengujian pendengaran
81		ENT Examination Treatment Unit	Sistem pengujian dan perawatan telinga, hidung dan leher (ENT)
82		Micro Debride	Mesin yang digunakan dalam perawatan telinga, hidung dan leher (ENT)
83		Vestibulo-Ocular Chair	Kursi khas yang digunakan untuk mengaji kesihatan pasuk
84	Rehab	Respiratory Function Tester	Mesin pengujian tiup-pembasah
85		Treadmill	Mesin senaman untuk berjalan dan berlari
86		Shortwave Therapy	Mesin rawatan secara gelombang pendek
87		Traction Device	Mesin mengangkat anggota badan
88		CPM(Continuous Passive Motion) Machine	Mesin bantu-penggerak kaki manusia bergerak
89		Pelvic Floor Muscle Exerciser	Mesin pengujian otot pelvis
90		Stimulator (Muscle, Nerve,Physical)	Mesin rangsangan (otot, saraf, badan)
91		Hydrocollator	Tangki pempanasan dan pengempasan air pemarasan untuk anggota badan
92	Dialysis	CRRT (Continuous Renal Replacement Therapy)	Mesin dialisis sesejuk berseruan untuk pasuk yang lama
93		Hemodialysis Machine	Mesin dialisis
94		PD System/stationery/portable	Sistem pengeluar air urinaria berbalik (reverse osmosis) khusus untuk mesin dialisis
95		Dialyzer Reprocessing Unit	Mesin pembersihan perapap doroh yang digunakan untuk mesin dialisis
96		APD (Automated Peritoneal Dialysis) Machine	Mesin dialisis melalui ruang peritoneal badan pasuk

**BENARAI PERALATAN PERUBATAN KESIHATAN SWASTA YANG LAYAK DEKLUSKAN OLEH KEMENTERIAN
KEWANGAN BUTIRAN 6. JADUAL PERTAMA PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014**



97	Endoscopy	Endoscopes (rigid and fibresopic)	Sejepuluh peralatan dan peralatan seluruh dalam pesakit (Rigid dan fiberoptik).
98		Endoscopy Video System	Sistem video untuk Endoskop.
99		Endoscopy Washer/Sterilizer	Mesin pembasahan dan pensterilisasi.
100	General	Defibrillator	Mesin pemuliharaan ketidakberfungsiannya jantung.
101		ECG Machine	Mesin pencatatan rintangan nafas jantung.
102		Patient Monitor Std & MRI compatible (biochemical test)	Mesin pemantauan pesakit Am dan khusus untuk MRI (Analisa kimia Respirasi).
103		Pumps std & MRI compatible (infusion/Syringe/Feeding/PICA)	Mesin pengembaraan Am dan khusus untuk MRI (Salinian/Pengangkutan/Benturan/Kawalan Usia dan pesakit).
104		Patient Litter	Mesin pengangkut pesakit.
105		Nebulizer	Mesin rawatan nafas.
106		Diagnostic Set (Laryngoscope/Glascocope/Ophthalmoscope)	Set pemeriksaan dan rawatan (Tubuh, Telinga dan Mata).
107		Warmers(Blood/Blanket/Flaclet)	Mesin pemantau (darah/blanket/kulit).
108		CTG (Cardiotocograph) & Fetal Monitoring System	Mesin pemantauan pergerakan bayi di dalam rahim ibu.
109		Phototherapy Light (Infant & Adult)	Mesin rawatan pesakit bayi yang menghidap penyakit kuning dan dewasa yang mengalami penyakit kulit.
110		Macerator Disposal	Mesin pengupasan bekas dan sisa klinik.
111		Surgical Instruments (all disciplines)	Instrumen yang digunakan semasa perbedahan.
112		Autoclave	Mesin persterilisasi instrumen.
113	Ophthalmology	Surgical Lasers(Argon,Yag,Helium, CO2 [Excimer]Lasik),Diode	Mesin laser yang digunakan semasa perbedahan dan perawatan.
114		OCT(Optical-coherence tomography)	Mesin tomografi mata.
115		Keratomileusis Machine (Basic)	Mesin pemotongan kerata mata.
116		Phaco(Phacoemulsification)	Mesin untuk mencuci lensa mata.
117		Visual Field Plotter	Mesin pemplotan retinian penglihatan.
118		Retinoscop	Mesin pemeriksaan retina mata.
119		Fundus Camera	Mesin kamera pemeriksaan dan pengambilan mata.
120		SLR Lamp & Tonometer	Mesin pencabayaan untuk pemerkasaan dan periksa tekanan mata.
121		Autorefractor-Keratometer	Mesin ujian dan preskripsi lensa mata.
122		Videostomy Unit	Mesin pemotongan dalam mata.
123	Dental Surgery	Dental Chair	Kursi yang dilengkapi lampu dan unit penggegan ini digunakan untuk operasi gigi dan merawat pesakit.
124		Dental Delivery Unit	Mesin yang digunakan untuk merawat gigi, merawat telang, perawatan dan merawat gigi.
125		CAD/CAM unit dental chair side	Mesin CAD/CAM digunakan di dalam surgi seperti unit pengelasan intra oral dan Camcutter (milling machine).

LAMPIRAN B

JADUAL KETIGA / THIRD SCHEDULE
BAHAGIAN 1 / PART 1

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014
GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014

SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014
CERTIFICATE UNDER THE GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) ORDER 2014

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang yang diperihalkan di atas adalah _____.

I hereby certify that the goods described above are

*diperolehi daripada/dibekalkan kepada _____.

(Nama dan alamat orang atau pertubuhan yang berkenaan dengan pelepasan yang dituntut)

* acquired from/supplied to

(Name and address of the person or the establishment in respect of the relief claimed)

dan pelepasan daripada *pengenaan/pembayaran cukai barang dan perkhidmatan adalah dituntut di bawah Butiran _____.

and relief from *charging/payment of goods and services tax is claimed under Item

Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalamnya.

of the Goods and Services Tax (Relief) Order 2014 subject to the conditions therein specified.

Tandatangan : _____

Signature

Nama : _____

Name

No. Kad Pengenalan : _____

Identity Card No:

Pangkat : _____

Rank

Tarikh : _____

Date

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

*Delete whichever is not applicable

LAMPIRAN B1

JADUAL KETIGA / THIRD SCHEDULE
BAHAGIAN 1 / PART 1

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014
GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014

SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014
CERTIFICATE UNDER THE GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) ORDER 2014

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang yang diperihalkan di atas adalah seperti yang di lampirkan.

I hereby certify that the goods described above are

*diperolehi daripada/dibekalkan kepada Device Medic Sdn. Bhd. No. 23, Jalan SS 6/3, Kelana Jaya, 47301 Selangor.

(Nama dan alamat orang atau pertubuhan yang berkenaan dengan pelepasan yang dituntut)

* acquired from/supplied to

(Name and address of the person or the establishment in respect of the relief claimed)

dan pelepasan daripada *pengenaan/pembayaran cukai barang dan perkhidmatan adalah diturut di bawah Butiran 6.

and relief from *charging/payment of goods and services tax is claimed under Item

Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalamnya.

of the Goods and Services Tax (Relief) Order 2014 subject to the conditions therein specified.

Tandatangan :

Muhammad Ali bin Abdullah

Signature

Nama :

Muhammad Ali bin Abdullah

Name

No. Kad Pengenalan :

123456-78-1234

Identity Card No.

Pangkat :

Pengarah Urusan, Hospital Puchong Perdana

Rank

Tarikh :

13/05/2015

Date

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

*Delete whichever is not applicable

LAMPIRAN C

SENARAI PERALATAN PERUBATAN KESIHATAN SWASTA
BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA, PERINTAH CBP (PELEPASAN) 2015

NAMA KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA: _____

BIL.	PERALATAN	MODEL / JENAMA	FUNGSI / KEGUNAAN PERALATAN	KUANTITI	ANGGARAN KOS SEUNIT (RM)	CATATAN

Perakuan Pemohon:

Saya memperakukan peralatan-peralatan yang dimohon di atas adalah untuk kegunaan secara langsung bagi rawatan pesakit dan telah daftarkan dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (berkuatkuasa 1 Julai 2015).

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :

LAMPIRAN D



NO. SIJIL PENGESAHAN : _____

**DI BAWAH BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA, PERINTAH CUKAI BARANG DAN
PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014
AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang/peralatan di bawah yang diperolehi oleh

dari pembekal

adalah peralatan perubatan kesihatan swasta yang layak diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan disahkan akan digunakan secara langsung bagi tujuan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan dibawah Butiran 6, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pelepasan) mengikut Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Perihal peralatan :

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____
- iv) _____

Tandatangan: _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cop Rasmi Kementerian/Jabatan



NO. SIJIL PENGESAHAN : IPKKM. CoGSTR 1/2015

DI BAWAH BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA, PERINTAH CUKAI BARANG DAN
PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014
AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang/peralatan di bawah yang diperolehi oleh

HOSPITAL PUCHONG PERDANA

dari pembekal

DEVICE MEDIC SDN. BHD.

adalah peralatan perubatan kesihatan swasta yang layak diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan disahkan akan digunakan secara langsung bagi tujuan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan dibawah Butiran 6, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pelepasan) mengikut Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Perihal peralatan :

- i) INFANT INCUBATOR – 2 UNIT
- ii) ORTHOPAEDIC SYSTEM – 1 UNIT
- iii) HEMODIALYSIS MACHINE – 3 UNIT

Tandatangan:

Nama : Dato Dr. Haji Azman Bin Abu Bakar

Jawatan : Pengarah Perkembangan Perubatan ,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh : 29 Mei 2015

Cop Rasmi Kementerian/Jabatan

LAMPIRAN E

**SENARAI SEMAKAN
BAGI PEROLEHAN PERALATAN PERUBATAN KESIHATAN SWASTA
DI KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA**

Nama Kemudahan
Jagaan Kesihatan Swasta : _____

Tarikh permohonan : _____

BIL.	TARIKH SEMAKAN	/	/	CATATAN
		(✓ / X)	(✓ / X)	
1	Surat Permohonan			
2	Sijil Jadual Ketiga (Lampiran B)			
3	Senarai Peralatan Perubatan Kesihatan Swasta (Lampiran C)			
4	Salinan Purchase Order Atau Invois Pembelian			
5	Salinan Sijil Pendaftaran/ Lesen Dibawah AKPJKS 1998			
6	Lain-Lain Dokumen Berkaitan (jika ada – nyatakan jenis dokumen)			

Pegawai Yang Membuat Semakan :

LAMPIRAN F

Contoh Invois Cukai Bagi Pembekalan Yang Diberi Pelepasan

Perkataan "Invois Cukai"		Nombor Cukai Invois																																															
INVOIS CUKAI		No. Invois: 1111																																															
DEVICE MEDIC SDN. BHD. (No. CBP:100001123456) No.23, Jalan SS 6/3 Kelana Jaya, 47301 Selangor		Tel: 03-33545454																																															
Nama & Alamat Pelungguh	HOSPITAL PUCHONG PERDANA No. 24, Puchong 3/9, 47150 Puchong, Selangor	Nama, Alamat dan No GST Pembekal																																															
		Tarikh : 25 Julai 2015																																															
		No N/P : S000345																																															
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; width: 10%;">No.</th> <th style="text-align: center;">Perihal</th> <th style="text-align: center;">Perihal Barang</th> <th style="text-align: center;">Harga Seunit (RM)</th> <th style="text-align: center;">Jumlah</th> </tr> <tr> <th></th> <th></th> <th style="text-align: center;">Kuantiti</th> <th></th> <th></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Infant Incubator</td> <td style="text-align: center;">2</td> <td style="text-align: right;">28,000.00</td> <td style="text-align: right;">56,000.00</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Orthopaedic System</td> <td style="text-align: center;">1</td> <td style="text-align: right;">92,000.00</td> <td style="text-align: right;">92,000.00</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Hemodialysis Machine</td> <td style="text-align: center;">3</td> <td style="text-align: right;">50,000.00</td> <td style="text-align: right;">150,000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="2"></td> <td style="text-align: center;">Total Sales</td> <td style="text-align: right;">298,000.00</td> <td style="text-align: right;">Jumlah Amaun Tidak Termasuk CBP</td> </tr> <tr> <td colspan="2"></td> <td style="text-align: center;">GST @ 6%</td> <td style="text-align: right;">Nil</td> <td style="text-align: right;">Kadar CBP</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Klausu Pelepasan CBP</td> <td colspan="3">(Diepaskan daripada mengarwakan CBP bagi pembekalan kepada orang yang dibenarkan pelapangan dibawah bantuan 6, Jadual Pertama, Permata CBP (Pelepasan) 2014)</td> </tr> <tr> <td colspan="2"></td> <td style="text-align: center;">Jumlah Amaun Kena Dibayar</td> <td style="text-align: right;">298,000.00</td> <td style="text-align: right;">Jumlah CBP</td> </tr> </tbody> </table>					No.	Perihal	Perihal Barang	Harga Seunit (RM)	Jumlah			Kuantiti			1.	Infant Incubator	2	28,000.00	56,000.00	2.	Orthopaedic System	1	92,000.00	92,000.00	3.	Hemodialysis Machine	3	50,000.00	150,000.00			Total Sales	298,000.00	Jumlah Amaun Tidak Termasuk CBP			GST @ 6%	Nil	Kadar CBP	Klausu Pelepasan CBP		(Diepaskan daripada mengarwakan CBP bagi pembekalan kepada orang yang dibenarkan pelapangan dibawah bantuan 6, Jadual Pertama, Permata CBP (Pelepasan) 2014)					Jumlah Amaun Kena Dibayar	298,000.00	Jumlah CBP
No.	Perihal	Perihal Barang	Harga Seunit (RM)	Jumlah																																													
		Kuantiti																																															
1.	Infant Incubator	2	28,000.00	56,000.00																																													
2.	Orthopaedic System	1	92,000.00	92,000.00																																													
3.	Hemodialysis Machine	3	50,000.00	150,000.00																																													
		Total Sales	298,000.00	Jumlah Amaun Tidak Termasuk CBP																																													
		GST @ 6%	Nil	Kadar CBP																																													
Klausu Pelepasan CBP		(Diepaskan daripada mengarwakan CBP bagi pembekalan kepada orang yang dibenarkan pelapangan dibawah bantuan 6, Jadual Pertama, Permata CBP (Pelepasan) 2014)																																															
		Jumlah Amaun Kena Dibayar	298,000.00	Jumlah CBP																																													

Device Medic Sdn. Bhd.

DEVICE MEDIC SDN. BHD. Jumlah Amaun

LAMPIRAN G

ALAMAT PENGARAH – PENGARAH KESIHATAN NEGERI

<p style="text-align: center;">Pengarah Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur / Putrajaya Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Tel: 03-2268 7333 Faks: 03-2268 7555 http://jknkl.moh.gov.my</p>	
<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perlis Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis Indera Kayangan. Tel: 04-9773333 Faks: 04-9760764/9774855 http://jknperlis.moh.gov.my</p>	<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan Jalan Rasah 70300 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus. No. Tel : 06-7664800 No. Fax : 06-7648613 (Am) / 06-7638543 (Pengarah) http://jknns.moh.gov.my</p>
<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kedah Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah, 05400 Alor Setar, Kedah Darul Aman, Tel: 04-7741000 Faks: 04-7741030 http://jnkedah.moh.gov.my</p>	<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka Tingkat 3, 4, dan 5, Wisma Persekutuan, Jalan Business City, Bandar MITC 75450 Ayer Keroh, Melaka. Tel: 06-2345959 Faks: 06-2345969 http://jnmelaka.moh.gov.my</p>
<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang Tingkat 35 & 37, KOMTAR, 10590 Pulau Pinang. Tel: 04-2625533/2281616 Faks: 04-2613508 http://jknpenang.moh.gov.my</p>	<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor Tingkat 3 & 4 Blok B, Wisma Persekutuan, Jalan Air Molek, 80590 Johor Bahru Johor Darul Takzim. Tel: 07-2247361 Faks: 07-2277577 http://jnjohor.moh.gov.my</p>
<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perak Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30590 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Tel: 05-2456000 Faks: 05-2438090 http://jknperak.moh.gov.my</p>	<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota 25582 Kuantan Pahang Darul Makmur Tel: 09-570 7999 (pengarah) Fax: 09-570 7799 (pengurusan) webmaster.phg@phg.moh.gov.my http://jnpahang.moh.gov.my</p>

<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor Tingkat 9, 10, 11 & 17, No. 1, Wisma Sunway, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C, Seksyen 9, 40100 Shah Alam, Selangor. Tel: 603-5123 7333/ 334/ 335 Faks: 603-5123 7202 (Pengarah) http://jnselangor.moh.gov.my</p>	<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu Tingkat 5, Wisma Persekutuan Jalan Sultan Ismail 20920 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Tel: 09-6222866 Faks: 09-6245829 http://jnterengganu.moh.gov.my</p>
<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan Tingkat 5, Wisma Persekutuan, 15590 Kota Baharu, Kelantan Darul Naim, Tel: 09-7413300 Faks: 09-7441333 http://jnkkelantan.moh.gov.my</p>	<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako, 93050 Kuching, Sarawak. Tel: 082-473200 Faks: 082 - 443031 http://jnsarawak.moh.gov.my</p>
<p>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Tingkat 3, Rumah Persekutuan, Jalan Mat Salleh, 88590 Kota Kinabalu, Sabah. Tel: 088-265960 Faks: 088-221477 http://jnsabah.moh.gov.my</p>	<p>Pengarah Jabatan Kesihatan WP Labuan Peti surat 80832, 87018 Wilayah Persekutuan Labuan. Tel: 087-411702, 412097, 423641, 423581 Faks: 087-411298(Pejabat Pengarah), 087- 419011(Kesihatan Awam), 087- 412342(Pengurusan) http://jnlabuan.moh.gov.my</p>

APPENDIX 1**SENARAI LAMPIRAN**

BIL	LAMPIRAN	KETERANGAN
1.	Lampiran A	Senarai Peralatan Perubatan Kesihatan Swasta Yang Layak Diluluskan Oleh Kementerian Kewangan
2.	Lampiran B	Sijil Jadual Ketiga Di Bawah Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014
3.	Lampiran B1	Contoh Sijil Jadual Ketiga Di Bawah Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014
4.	Lampiran C	Senarai Peralatan Perubatan Kesihatan Swasta
5.	Lampiran D	Sijil Pengesahan Kementerian Kesihatan Malaysia
6.	Lampiran D1	Contoh Sijil Pengesahan Kementerian Kesihatan Malaysia
7.	Lampiran E	Senarai Semakan
8.	Lampiran F	Contoh Invois
9.	Lampiran G	Alamat Pengarah – Pengarah Kesihatan Negeri